

GLICLAZIDE

(i) Tujuan/ Kegunaan Ubat

- Kumpulan Generasi ke 2 Sulfonylurea
- Digunakan untuk merendahkan kandungan gula dalam darah ke paras normal bagi pesakit Diabetes Mellitus Jenis 2 (*non-insulin dependent*)

(ii) Cara Penggunaan

Cara Pengambilan/ Administrasi

- Secara oral, permulaan dos 40 – 80 mg sehari sebelum makan
- Dos boleh ditingkatkan sehingga 320 mg sehari bergantung kepada respon pesakit. (Dos 160 mg sehari atau lebih perlu diambil 2 kali sehari).
- Untuk Gliclazide Modified Release , dos permulaan adalah 30 mg sehari, dan boleh ditingkatkan kepada 120 mg sekali sehari.
- *Dose Conversion* : Diamicron 80 mg = Diamicron MR 30 mg

Jika terlupa mengambil ubat

- Ambil sebaik sahaja teringat
- Jika sudah dekat dengan waktu dos yang akan datang, tinggalkan dos terlupa ini dan mulakan dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Penyimpanan

- Sila simpan di tempat kering, jauh dari cahaya matahari dan kanak-kanak.

Peringatan semasa menggunakan ubat

- Makan atau minum sesuatu yang mengandungi gula, jika ada gejala-gejala gula dalam darah rendah.
- Periksa paras gula darah anda secara teratur.
- Ikut rancangan sajian yang disediakan oleh doktor / penyelia sajian jenis makanan anda.
- Elak makan ubat selain yang dipreskrib oleh doktor anda.
- Lindungi kulit dari cahaya matahari kerana ubat dalam kumpulan ini boleh menyebabkan kulit anda sensitif terhadapnya. Gunakan produk pelindung cahaya matahari.
- Disyorkan ubat ini tidak seharusnya diambil semasa hamil dan digantikan dengan insulin kerana ubat dalam kumpulan ini mungkin masuk ke dalam peredaran darah janin dan mungkin akan mengakibatkan hipoglisemia neonatal.
- Disyorkan bahawa ibu mengawal pemakanan atau menggunakan insulin semasa menyusukan anak kerana ubat dalam kumpulan ini mungkin akan dikumuhkan ke dalam susu badan.
- Elak dari minuman alkohol kerana ianya boleh merendahkan paras gula dalam darah yang teruk.
- Beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

(iii) Interaksi dengan ubat lain, makanan, OTC, dan ubat tradisional

Ubat-ubatan

- Glucocorticoid, Oestrogen, Diuretik Thiazide– mengurangkan kesan ubat ini.
- Insulin, alcohol, Sulphonamide, Phenylbutazone, anabolic steroid – meningkatkan risiko hipoglisemia.
- *B*-Blockers – menghalang takikardia dan ketaran, iaitu tanda-tanda hipoglisemia.
- Diuretic Thiazide – mungkin mengakibatkan hyponatremia jika diambil bersama-sama Chlorpropamide.

(iv) Kesan Ubat

Kesan Terapeutik

- Ubat ini membantu badan dengan merangsang pankreas untuk mengeluarkan lebih banyak insulin dan membantu sel-sel menggunakan insulin yang terhasil dengan lebih berkesan. Dengan itu dapat mengurangkan paras glukosa dalam darah
- Ubat ini berkesan untuk pesakit yang masih mampu mengeluarkan insulinnya sendiri.

Kesan Sampingan

- Hypoglycaemia (*pening, letih, mengantuk, sakit kepala, gementar, terketar-ketar, rasa mencucuk-cucuk pada tangan dan kaki, lapar, degupan jantung yang kuat*). Makan atau minum sesuatu yang mengandungi gula jika ada tanda-tanda sebegini berlaku.
- Gangguan gastrousus (reported). Jika keadaan ini berterusan, sila maklumkan kepada Pegawai Perubatan
- Tindak balas pada kulit (jarang)
- Gangguan hematologi (jarang)
- *Hepatic enzyme* (exceptional)